

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 12
SURAT

Kerajaan komited fokus kebajikan rakyat dalam pelan lima tahun

12 Rencana 4 Ogos 2025

RANCANGAN MALAYSIA KE-13

Kerajaan komited fokus kebajikan rakyat dalam pelan lima tahun

Setiap kementerian perlu memperuntukkan sebahagian daripada bajet pembangunan sektor masing-masing bagi aspek pelaporan dan pemantauan RMK13

● RMK13 turut memberi perhatian khusus kepada kumpulan rentan. Prinsip 'tiada siapa tertinggal' bukan lagi retorik, sebaliknya menjadi panduan dasar dalam penyusunan semula keutamaan sosial dan ekonomi negara

Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abdul Hamid
bhrencana@bh.com.my

Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 31 Julai lalu menandakan komitmen Kerajaan MADANI untuk merangka hala tuju baharu pembangunan negara lebih adil, mampan dan berpaksaan rakyat.

Dengan tema 'Melakar Semula Pembangunan', RMK13 menjadi pelan pembangunan lima tahun (2026-2030) yang bukan saja menyasarkan pertumbuhan ekonomi, tetapi pengukuhan nilai sosial dan keadilan dalam agihan kekayaan negara.

Tiga tonggak utama yang digariskan iaitu tatakelola baik, kerencanan ekonomi serta pembangunan terangkum dan inklusif yang menjadi asas kepada transformasi menyeluruh mahu dicapai dalam tempoh perancangan ini.

Tatakelola baik digariskan dalam RMK13 diharap bukan sekadar slogan, tetapi syarat bermakna bagi menyayakan pelaksanaan dengan telus, cekap dan berintegriti.

Justeru, ia juga menuntut perubahan menyeluruh dalam struktur pentadbiran termasuk cara merancang, mengagih dan melaksanakan projek pembangunan negara.

Bagi merealisasikan agenda ini, RMK13 menggariskan beberapa strategi utama antaranya pengukuhan audit prestasi projek kerajaan melalui Sistem Pemantauan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD), sistem perolehan digital bersepadu (Perolehan), pembangunan Dashboard Prestasi RMK13 yang boleh diakses rakyat serta pelaksanaan dasar data terbuka melalui GovData MADANI.

Selain itu, semua kementerian diwajibkan menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITG) untuk memantau kepatuhan dalam, manakala sesi libat urus awam diperluas sebagai sebahagian daripada penggabungan dasar lebih demokratik dan responsif.

Pelaksanaan strategi tatakelola RMK13 ini melibatkan penyelarasan pelbagai agensi utama seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), Pusat Governors, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Parlimen berperanan untuk semak imbang
Parlimen juga memainkan peranan penting melalui jawatankuasa pemilih dan sistem semak imbang. Setiap agensi mempunyai tanggungjawab tersendiri untuk memastikan semua kaitisme pemantauan, pelaporan RMK13 dan penyertaan awam dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Dari segi kewangan, sebanyak RM17 billion daripada keseluruhan peruntukan RMK13 sebanyak RM611 billion diperuntukkan khusus untuk sektor pentadbiran dan pengurusan awam, peningkatan kapasiti penjawat awam, pelaksanaan audit, pembangunan sistem digital serta program integriti.

Di samping itu, setiap kementerian perlu memperuntukkan sebahagian daripada bajet pembangunan sektor masing-masing bagi aspek pelaporan dan pemantauan RMK13.

Tatakelola baik yang berfungsi dengan efisien bukan sahaja dapat membanteras ketirisan dan pembaziran mungkin berlaku dalam RMK13, malah menjadi asas penting kepada keberkesanan dasar, kepercayaan pelabur dan keyakinan rakyat terhadap hala tuju pembangunan negara.

Kerencanan ekonomi adalah salah satu tonggak utama dalam RMK13, menandakan peralihan Malaysia ke arah ekonomi lebih pelbagai, tangkas dan bernilai tinggi.

Ini merujuk kepada kemampuan negara menjana pertumbuhan daripada pelbagai sektor, bukan sahaja melalui sektor tradisional seperti pembuatan, pertanian dan perkhidmatan, tetapi menerusi sektor strategik baharu seperti teknologi tinggi, pendigitalan, tenaga diperbaharui serta ekonomi hijau dan biru.

Fokus ini selaras dengan matlamat menjadi kan Malaysia sebagai hab inovasi dan pelaburan serantau menjelang 2030 serta meningkatkan keupayaan negara menangani cabaran global seperti perubahan iklim, ketidakstabilan rantai bekalan dan peralihan tenaga.

Dalam memastikan objektif ini tercapai, pelbagai strategi digariskan antaranya pembangunan kawasan pertumbuhan baharu seperti Zon Ekonomi Khas (SEZ) di Johor dan Sabah, pelaksanaan Dana Industri Strategik MADANI (DISM) untuk merangsang pelaburan dalam sektor bernilai tinggi seperti semikonduktor, automasi dan kecerdasan buatan (AI) dan pemerkasaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerusi automasi dan digitalisasi.

RMK13 menyediakan sejumlah RM227 billion kepada sektor ekonomi, menjadikannya komponen terbesar dalam keseluruhan rancangan pembangunan ini.

Peruntukan ini meliputi pembinaan infrastruktur industri, insentif pelaburan strategik, geran penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta dana pembangunan PKS dan syarikat pemula.

Apa yang jelas, RMK13 turut memberi perhatian khusus kepada kumpulan rentan seperti golongan B40, masyarakat luar bandar, Orang Asli, warga emas, wanita dan orang kurang upaya (OKU). Prinsip 'tiada siapa tertinggal' bukan lagi retorik, sebaliknya menjadi panduan dasar dalam penyusunan semula keutamaan sosial dan ekonomi negara.

Program kebajikan rakyat diutamakan
Antara strategi utama digariskan bagi menyantuni kumpulan ini ialah pelaksanaan projek pembinaan sejuta rumah mampu milik menjelang 2035, peningkatan akses pendidikan berkualiti melalui digitalisasi sekolah luar bandar, pengembangan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), serta penyediaan skim perlindungan kesihatan bagi golongan berpendapatan rendah.

Lebih penting, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) turut terlibat dalam pelaksanaan program kebajikan, perumahan dan latihan komuniti. Kerjasama merentas sektor, termasuk sektor swasta dan organisasi masyarakat sivil, ini akan meluaskan capaian dan impak dasar.

Pelaksanaan RMK13 dijangka berdepan pelbagai cabaran baik peringkat domestik mahupun global yang memerlukan pendekatan strategik dan mampan.

Pada peringkat lokal, antara cabaran utama ialah ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah, isu kemiskinan berterusan terutama di luar bandar dan Sabah-Sarawak, serta kebergantungan terhadap buruh asing dalam sektor tertentu.

Turut diberi tumpuan adalah bagaimana Malaysia perlu berdepan dengan ketidakpastian ekonomi dunia, ketegangan geopolitik seperti konflik di Asia Barat dan Laut China Selatan. Semua cabaran ini menuntut kesiapsiagaan dasar dan kekuatan institusi yang cekap, inklusif dan berdaya tahan.

Dalam kerangka Malaysia MADANI, RMK13 menumpukan usaha mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional, mengangkat martabat insan serta meningkatkan kesaksamaan di semua ruang kehidupan.

Ini bukan sekadar pelan pembangunan ekonomi, tetapi manifestasi komitmen kerajaan meletakkan rakyat sebagai pusat kepada setiap dasar, bagi menjamin kesejahteraan menyeluruh dan kemakmuran yang dikongsi bersama.

